



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,  
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000  
F +603 2095 2121  
www.mymrt.com.my



# SIARAN MEDIA

## MRTS, CIDB DAN JCCD TANDATANGANI PERJANJIAN KOLABORASI DALAM MEMBANGUNKAN PROGRAM USAHAWAN MUDA MRTS (MYEP)

**Johor Bahru, 13 Februari 2023:** Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd (MRTS), bersama Lembaga Pembangunan Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Johor Centre For Construction Development (JCCD) telah menandatangani sebuah perjanjian kolaborasi pada hari ini dalam menjayakan 'Program Usahawan Muda MRTS' ataupun '*MRTS Young Entrepreneur Program*' (MYEP).

Perjanjian kolaborasi ini telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hashim, Ketua Eksekutif CIDB Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid dan Ketua Eksekutif JCCD En. Norazmi Amir Hamzah, dan telah disaksikan YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli Mohamad Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur (EXCO) Negeri Johor.

Program MYEP ini merupakan sebuah kerjasama strategik oleh ketiga-tiga pihak dalam membangunkan usahawan Bumiputera muda dalam bidang keusahawanan, pendidikan, pelaburan dan perkhidmatan pengurusan.

Pelaksanaan program ini membolehkan penglibatan peserta Bumiputera di dalam projek berkaitan kerajaan, memberi peluang pekerjaan kepada peserta untuk terlibat di dalam bidang teknikal & perniagaan, memperkasakan modal insan dengan memberi pendedahan dalam pelaksanaan projek dan pengalaman perniagaan bagi memberi peluang kepada peserta untuk menjadi kontraktor yang berjaya.

"Perjanjian kolaborasi di antara MRTS, CIDB dan JCCD ini merupakan satu titik permulaan di antara ketiga-tiga pihak untuk berkerjasama melatih graduan Bumiputera muda yang berjaya di dalam bidang keusahawanan, pendidikan, pelaburan dan perkhidmatan pengurusan," kata Datuk Mohd Zarif semasa ucapannya di majlis.

Tambah beliau, program MYEP ini memberi sokongan kepada Agenda Bumiputera Kerajaan dalam meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi, peluang pekerjaan serta pembangunan modal insan.

Menerusi program kolaborasi ini, seramai 30 orang graduan Bumiputera bakal dibimbing oleh MRTS, CIDB dan JCCD melalui program dan latihan amali dalam bidang pengurusan kewangan, korporat dan pelaburan, untuk menjadi kontraktor dan vendor yang berjaya di dalam industri pembinaan

Terdahulu, Program MYEP 1 & 2 telah dianjurkan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) bagi projek MRT Laluan Kajang dan Putrajaya pada tahun 2013 dan 2016.

Program MYEP 1 & 2 ini telah berjaya melahirkan seramai 71 orang para graduan Bumiputera yang bukan sahaja berjaya menamatkan pengajian, malah ada di antara mereka yang berjaya membida kontrak-kontrak projek MRT secara bebas, dan projek-projek lain di dalam industri.

Menerusi kerjasama MRTS, CIDB dan JCCD dalam membangunkan program MYEP bagi Projek RTS Link, pelbagai inisiatif dan aktiviti bakal diterapkan bagi pembangunan kompetensi serta penerapan amalan industri pembinaan terbaik.

-tamat/-



MYEP- Bacaan Doa



MYEP – Majlis Menandatangani Perjanjian



MYEP – Acara Penyerahan Cenderahati

**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

**Encik Zamri Zakariah**  
**+6012-916 2000 [zamri.zakariah@mymrt.com.my](mailto:zamri.zakariah@mymrt.com.my)**